

MASYARAKAT ARAB (KETURUNAN SYED) DI TAWAU, SABAH: TINJAUAN TERHADAP SEJARAH PERTAPAKAN DAN SUMBANGAN DARI ASPEK SOSIAL

*Mohamad Shaukhi Mohd Radzi, Asmady Idris,
Rizal Zamani Idris & Sukura@Fatimah Md. Hidup*

Abstract

The settlement of the Arab society of the Syed descendants in Tawau, Sabah had begun since the administration of the British North Borneo Chartered Company (BNBC). They were said to be originated from Hadralmaut, near to Yaman in Arab Peninsular. The settlement of the society had brought great impact on the social aspect of the local society especially pertaining to the propagation and establishment of Islam. Besides becoming religious leaders, they were the frontiers in opening settlements and developing the society (especially among Muslims) in Tawau, Sabah. Their leadership is prevalent even to this day. This study is based on interviews conducted especially with the leaders and relatives of the Syed family. Archive and library research were also deployed in completing this study.

Pengenalan

Sejarah kedatangan dan pertapakan masyarakat Arab ke Alam Melayu di Nusantara seringkali dikaitkan dengan aktiviti penyebaran dan pengukuhan agama Islam kalangan masyarakat tempatan. Walaupun pelbagai teori dan andaian telah dikemukakan oleh beberapa orang sarjana tentang kedatangan agama Islam ke Nusantara sama ada dari Tanah Arab, India dan China, ia tidak mampu meminggir peranan yang dimainkan oleh masyarakat Arab, terutamanya dalam aktiviti pendakwahan. Apatah lagi jika kita membicarakan persoalan kedatangan awal agama Islam itu sendiri di seluruh pelusuk dunia Islam. Pelbagai faktor boleh dikaitkan dengan keaktifan dan peranan yang dimainkan oleh masyarakat Arab ini sehingga sanggup mengembara meninggalkan tanah air mereka untuk menyebarkan ajaran Islam. Demikian juga jika membicarakan tentang persoalan pendekatan dan wasilah yang digunakan.¹

Dalam memperkatakan kepelbagaiannya faktor dan wasilah yang digunakan, jika diteliti, dapatlah disimpulkan bahawa semangat kecintaan terhadap agama merupakan faktor dominan yang menggerakkan masyarakat ini berkecimpung dalam aktiviti pendakwahan. Ini disemarakkan lagi dengan persaingan dari pengaruh kuasa Kristian Barat (selepas kalah dalam Perang Salib di Asia Barat) yang telah melaksanakan dasar penjajahan mereka di Alam Melayu Nusantara. Tidak dapat dinafikan, bahawa semangat keagamaan juga begitu membara

kalangan golongan penjajah tersebut. Bagi masyarakat Arab, tanggungjawab ini (berhadapan dengan cabaran persaingan dan tugas penyebaran agama Islam) harus dipikul dan dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh. Dengan berbekalkan semangat dan ilmu agama yang tinggi, golongan Arab ini telah berjaya menyelinap masuk ke dalam institusi tempatan di Nusantara melalui pelbagai aktiviti sosio-ekonomi dan politik. Natijahnya, aktiviti pengislaman ini telah dapat berjalan dengan lancar dan sistematis.

Bagi Negeri Sabah (dahulunya dikenali sebagai Borneo Utara) khususnya, peranan masyarakat Arab dalam aktiviti penyebaran dan pengukuhan agama Islam dalam kalangan masyarakat tempatan begitu jelas sekali. Pengislaman individu pertama yang memeluk Islam dalam kalangan penduduk Islam Sabah juga dikaitkan dengan usaha seorang makhdum yang bernama Sharif Awliya Karim al-Makhdum yang merupakan seorang mubaligh Arab (Tom & Barbara Harrison 1969-1970: 22).² Dalam pelbagai catatan fakta sejarah, banyak dijelaskan berkaitan kedatangan dan pertapakan masyarakat Arab sama ada melalui perdagangan, aktiviti mubaligh dalam pendakwahan, perkahwinan dan seumpamanya dalam Kesultanan Sulu dan Brunei yang mempunyai status *de-facto* ke atas Borneo Utara. Malah Kesultanan Sulu dikatakan telah diasaskan oleh golongan Syarif yang berasal dari Tanah Arab. Ceser Adib Majul umpamanya menjelaskan pada tahun 982 M, sebuah kapal dagang Arab dari Mai (Mindoro), Sulu telah menuju ke Canton di Negeri China (Cesar Adib Majul, 1973: 39). Ini menunjukkan masyarakat Arab telah pun sampai dan bertapak di Kepulauan Sulu (sebagai kawasan persinggahan) sehingga penerimaan agama Islam oleh masyarakat tempatan pada abad ke 13 atau 14 Masihi. Syed Naquib al-Attas dalam bukunya *Preliminary Statement On A General Theory of The Islamization Of The Malay Indonesian Archipalego* menyatakan bahawa bukti pertapakan ini berdasarkan penemuan batu nisan orang Islam di Bud Dato, Jolo yang bertarikh 1310 M (Muhidin Yusin, 1990: 3).

Kesultanan Brunei juga dikatakan telah mula menerima Islam apabila Rajanya Alak ber Tata telah memeluk Islam pada Abad ke 15 Masihi. Dipercayai usaha pengislaman tersebut dilakukan oleh para mubaligh Arab. Sebahagian besar dari kawasan Sabah yakni di pantai barat merupakan tanah jajahan Kesultanan Brunei. Terdapat banyak bukti yang menjelaskan bahawa kawasan pantai barat ini juga didatangi oleh masyarakat berketurunan Arab. Penemuan beberapa buah kubur masyarakat berketurunan Syarif juga membuktikan kawasan-kawasan perkampungan orang Islam di kawasan Papar dan Kimanis adalah diketuai oleh masyarakat Arab tersebut.

Latarbelakang Masyarakat Arab Syed di Tawau

Menurut Kamus Dewan, perkataan Syed (Sayyid) juga dikenali sebagai Sayyid yang merupakan gelaran bagi orang atau golongan yang berketurunan Nabi Muhammad s.a.w. (Kamus Dewan, 2002: 1199). Menurut Amin al-Raihani, gelaran Syed ini juga seringkali disamakan dengan gelaran Sheikh yang membawa makna dan konotasi yang sama. Perkataan Syed diertikan sebagai tuan, lawan kepada hamba. Ia juga merujuk kepada gelaran ketua sesuatu suku atau puak. Menurut Snouck Hurgronje, kebanyakan masyarakat berketurunan Arab yang menggunakan gelaran ini adalah merujuk kepada keturunan Saidina Husain (r.a) dan Saidina Hassan (r.a) iaitu cucu Nabi Muhammad s.a.w. Malah Nabi Muhammad s.a.w. sendiri pernah

menggunakan perkataan sayyid ini untuk memperjelaskan bahawa cucunda baginda itu adalah ketua para pemuda di dalam syurga kelak (H.A.R. Gibb & J.H. Kramers 1995: 529-533) Masyarakat Arab juga kebiasaannya menggunakan gelaran gelaran yang khusus bagi merujuk kepada sesuatu keluarga atau qabilah masing-masing. Antara gelaran yang seringkali digunakan ialah al-Idrus/al-Aydrus, Jamalullail, al-Aidid, al-Attas, Al-Saggaf, al-Barakbah, al-Hinduan dan al-Jufri. Bagi masyarakat Syed di Tawau, terdapat dua gelaran yang digunakan iaitu al-Idrus / al-Aydrus dan al-Hinduan. Bagi salah seorang Informan, Syed Putra al-Hinduan menjelaskan bahawa gelaran al-Aydrus/al-Idrus ini berasal dari bahasa Indonesia yang berasal dari perkataan "Utaiyrus" yang bermaksud bersifat seperti singa. Individu pertama yang mendapat gelaran tersebut ialah Waliyullah Abdullah bin Abi Bakar Al-Sakran bin Abadul Rahman Al-Seggaf. Gelaran ini merujuk kepada keberanian beliau dalam menghadapi segala cabaran dan godaan di atas muka bumi ini.

Manakala gelaran al-Hinduan pula, yang sememangnya unik bagi masyarakat Syed di Tawau (kerana jarang digunakan), diberikan kepada Waliyullah Umar bin Ahmad bin Hassan bin Ali bin Mauladdawillah. Perkataan ini dikatakan berasal dari perkataan Arab yang bermaksud pedang. Ia merujuk kepada kekuatan fizikal dan *spiritual* (iman) bagi pedang yang diperbuat daripada besi waja dari India. Tokoh masyarakat Arab Syed yang terkenal di Tawau ialah Habib Syeikh dan Habib Umar. Gelaran Habib juga merupakan gelaran keturunan Arab dari Negara Yaman dan sekitarnya seperti Hadramaut. Habib Syeikh adalah daripada jurai keturunan al-Idrus. Manakala Habib Umar pula daripada keturunan al-Hinduan. Menurut Syed Putra, proses penghijrahan masyarakat Arab dipercayai bermula daripada perhijrahan Imam Ahmad al-Muhajir bin Imam Isa al-Rumi di Hadramaut. Semangat kecintaan beliau terhadap agama Islam telah membuatkan beliau berhijrah dan mengembara untuk mengembangkan agama Islam terutama di Alam Melayu (Syed Putra al-Hinduan, tt: 2).

Secara tradisinya, keluarga Habib Sheikh berkecimpung dalam aktiviti perdagangan sambil menjalankan aktiviti pendakwahan. Beliau dikatakan berasal dari Yaman. Palembang merupakan destinasi pertama yang dipilih oleh Habib Sheikh dalam siri pengembaraannya. Datuknya bernama Syed Hussien dikatakan mengembara ke seluruh pelusuk Asia Tenggara (setelah lama menetap di Tanah Melayu) untuk menjalankan aktiviti pendakwahan. Habib Syeikh mempunyai empat orang isteri dan sebelas orang anak. Salah seorang anaknya Habib Abdul Rahman turut memainkan peranan yang penting dalam sejarah penempatan masyarakat Arab di Tawau. Pertapakannya di Daerah Tawau merupakan kelangsungan tradisi masyarakat Arab yang dikatakan selalu mengembara berulang-alik antara Banjarmasin di Kalimantan, dan Kepulauan Sulu sebagai pedagang. Menurut Goodlet dalam bukunya *The Origin and Early Development of The Tawau Community, 1880-1942*, kegiatan ini berkemungkinan menjadi faktor yang dominan yang membawa kepada pertapanan masyarakat Arab di Tawau (Goodlet, 2003: 32).

Penghijrahan ini diteruskan oleh keturunan beliau yang membawa kepada pertapanan masyarakat Arab di sekitar Nusantara. Sepanjang proses pengembaraannya, Habib Sheikh pernah menetap di Salimbatu, Bolongan pada tahun 1891 M. Pada tahun 1893 M, iaitu ketika Borneo Utara di bawah jajahan Syarikat Berpiagam Borneo Utara (SBBU), Habib Sheikh telah berhijrah dan membuka pertempatan Arab di Tawau. Beliau telah meninggal dunia pada tahun

1934 M dan dikebumikan di Tawau Lama, Tawau. Nama Habib Sheikh tercatat dalam *The British North Borneo Herald* yang membuktikan beliau adalah seorang pemimpin yang terkenal di Tawau suatu ketika dahulu (Syed Putra al-Hinduan, tt: 2, 7 & 25).

Manakala Habib Umar pula dilahirkan di Sumenep Madura, Subaya, Jawa Timur. Beliau mempunyai tiga orang isteri dan 13 orang anak. Ada di kalangan isteri beliau berketurunan bangsawan istana Bolongan dan suku kaum Bugis. Ibunya bernama Sharifah Seha. Ayahnya pula bernama Syed Abdul Rahman, seorang ulama dari Hadramaut yang mengembara bersama-sama adik beradiknya untuk aktiviti pendakwahan. Beliau seterusnya berhijrah ke Pontianak di Kalimantan Barat dan Kalimantan Timur, seterusnya ke Bolongan dan akhirnya memilih Tawau sebagai destinasi terakhir (Syed Putra al-Hinduan, tt: 1).


Faktor-Faktor Penghijrahan ke Tawau

Faktor agama disifatkan sebagai faktor yang paling penting dalam memperkatakan sebab-sebab penghijrahan masyarakat Syed ke Daerah Tawau. Walaupun terdapat faktor-faktor lain yang dikaitkan dengan penghijrahan tersebut, namun ia merupakan wasilah atau saluran untuk memenuhi faktor agama tersebut. Apa yang maksudkan dengan faktor agama ialah perasaan cintakan agama Islam yang membawa kepada lahirnya rasa tanggungjawab untuk menyebarkan dan mengukuhkan ajaran agama dalam kalangan masyarakat tempatan. Datuk Haji Syed Abas Syed Ali (ADUN Balung) menjelaskan bahawa semua aktiviti sosial dan ekonomi dalam proses penghijrahan masyarakat Syed ke Tawau adalah untuk menjayakan aktiviti dakwah yang dituntut oleh agama Islam. Segala saluran tersebut juga adalah untuk mencari keredaan daripada Allah s.w.t. dan memenuhi tuntutan sunnah Rasulullah s.a.w. (Syed Abas Syed Ali, 27/8/2005).

Rasa tanggungjawab terhadap agama juga ada hubungan yang kuat dari persaingan gerakan Kristian yang semakin menular di kawasan Alam Melayu hasil dari proses penjajahan pihak Barat. Rasa tanggungjawab dalam menjaga aqidah dan memperkuatkan lagi ajaran Islam dalam kalangan masyarakat tempatan juga telah mengerakkan semangat untuk mempergiatkan lagi aktiviti pendakwahan. Apatah lagi kebanyakan masyarakat Islam pada ketika itu masih belum kukuh dari sudut ajaran agama.

Keterbukaan politik pihak SBBU pada sekitar abad ke 1900 M terhadap masyarakat Arab juga merupakan salah satu faktor Tawau dipilih sebagai pusat penempatan. Dasar SBBU pada ketika itu tidak menghalang mana-mana pihak untuk mengembangkan agama mereka. (Pameran Hasil Sumbangan Islam Sehingga Abad ke-15 Hijrah, 2004: 24) Walaupun ada penentangan terhadap dasar SBBU pada ketika itu, ia dilihat lebih bermotifkan politik dan ekonomi. Kebanyakan penentangan tersebut datangnya daripada ketua-ketua tempatan yang ingin mengembalikan hak-hak mereka yang diambil oleh penjajah. Bagi masyarakat Arab, pihak SBBU beranggapan mereka tidak sekali-kali akan memberontak jika persoalan agama tidak disentuh. Lebih-lebih lagi kumpulan ini adalah kumpulan yang berhijrah ke Tawau. Dalam meraih sokongan dari pihak rakyat tempatan, adalah menjadi polisi bagi pihak SBBU untuk memilih pemimpin atau penghulu bagi sesuatu kawasan dalam kalangan kumpulan yang dihormati. Masyarakat Syed yang dikatakan berketurunan Rasulullah s.a.w. telah dilantik menjadi penghulu

Jadual 1: Salasilah Al-Idrus di Tawau



Sumber: Koleksi Peribadi Syed Putra al-Hinduan

Jadual 2: Salasilah Al-Hinduan di Tawau

SALSILAH AL-HINDUAN - TAWAU SABAH	
MUHAMMAD S.A.W	
1	IMAM ALI RA ISTERI FATIMAH AL-ZAHRA
2	IMAM HUSSIN R.A
3	ALI ZAINAL ARIDIN R.A
4	MUHAMMAD AL-BAQIR R.A
5	JAFAR AL-SADIQ
6	ALI AL-ARIDI R.A
7	MUHAMMAD AL-NAQIR R.A
8	ISA ARUM
9	AHMAD AL MUHAJIR ILA ALLAH
10	UBAIDILLAH
11	ALAWI
12	MUHAMMAD
13	ALAWI
14	AL KHALA QASAM
15	MUHAMMAD SHAHID AL-MIRBAT
16	ALI
17	MUHAMMAD AL-FAQIH AL-MUQADDAM
18	ALAWI
19	ALI
20	MUHAMMAD MAWLA AL-DAWLILAH
21	ALI AL SAQQAF
22	HASSAN AL-WARAK
23	AHMAD
24	UMAR AL-HINDUAN
25	ABDULLAH
26	MUHAMMAD
27	AQIL
28	AHMAD
29	UMAR
30	AHMAD
31	HAMID
32	AHMAD
33	HUSSIN
34	ABDULLAH
35	HABIB ABDUL RAHKAM
36	HABIB UMAR
37	HABIB HASSAN
38	HABIB HAMID
39	SYED PUTRA
40	SYED MOHD ASH SYADIO
41	Yang pertama digelari Al-Hinduan Waliyyullah

Sumber: Koleksi Peribadi Syed Putra al-Hinduan

Peta 1: Peta Benua Asia



Sumber: <http://www.worldatlas.com/webimage/countrys/as.htm> (9/10/2007)

Peta 2: Peta Tawau



Sumber: <http://en.wikipedia.org/wiki/Tawau> (9/10/2007)

Tawau kerana penghormatan dan sanjungan yang diberikan oleh orang ramai. Habib Sheikh telah dilantik menjadi Penghulu Tawau yang ketiga di sekitar tahun 1911 M sehingga 1925 M bagi menggantikan Sarip Ali dan Puado.

Seterusnya faktor yang mempengaruhi kedatangan masyarakat Arab ke Tawau ialah faktor ekonomi. Seperti yang diketahui bahawa masyarakat Arab terkenal dengan urusan perdagangan atau urusniaga. Kedudukan Tawau yang strategik telah menyebabkan ia dijadikan tempat persinggahan dalam pelayaran masyarakat ini berulang-alik dari selatan Filipina dan Palembang, Sumatera. Hal berkenaan bersesuaian dengan kepakaran masyarakat ini dalam bidang pelayaran. A.Syed Sulaiman Nadvi dalam bukunya *Pelayaran Masyarakat Arab* menjelaskan:

'Semenjak permulaan sejarah Arab, golongan ini telah terlibat dalam perdagangan laut. Wilayah-wilayah Arab yang subur dan segar, iaitu Bahrain, Oman, Hadramaut dan Yaman, semuanya terletak di kawasan pantai. Keadaan fizikal tersebut menjadikan Arab sebagai bangsa pelaut' (A. Syed Sulaiman Nadvi, 1992: 2)

Pertapakan masyarakat Arab di Bolongan telah mewujudkan perasaan tidak puas hati dalam kalangan masyarakat tempatan Bolongan. Mereka beranggapan bahawa masyarakat Arab telah memonopoli kegiatan ekonomi di kawasan tersebut. Hal yang sedemikian bolehlah dianggap sebagai faktor penolak bagi Masyarakat Arab Syed ini untuk berhijrah ke Tawau. Syed Idrus Habib Kadir menjelaskan;

'Pada tahun 1893, Habib Sheikh berhijrah dan menetap di Tawau setelah menyedari terdapat di kalangan penduduk Bolongan tidak menyenangi kalangan Arab yang ramai menetap di Kubupaten itu. Penguasaan perdagangan yang lazimnya dimonopoli kalangan masyarakat Arab kemungkinan mereka kurang disenangi' (Syed Idrus Habib Kadir, tt.: 1)


Faktor penolak ini disokong oleh Syed Abas Syed Ali yang menjelaskan bahawa masyarakat Arab ketika itu ingin mengelak persaingan yang tidak sihat dan demi menunjukkan sikap yang baik bersesuaian dengan akhlak seorang pendakwah dan keturunan Rasulullah s.a.w. Oleh itu masyarakat Arab telah mengambil inisiatif untuk berhijrah ke Tawau (Syed Abas Syed Ali, 27/8/2005).

Pembukaan Kawasan Penempatan Masyarakat Arab di Tawau

Pada peringkat permulaan, penempatan masyarakat Arab di Tawau merupakan penempatan yang sementara. Setelah melalui proses sosial bersama dengan masyarakat tempatan, maka di peringkat kedua, masyarakat ini telah membuka kawasan-kawasan penempatan tetap yang diwarisi oleh mereka sehingga kini. Di peringkat awal, tokoh yang terlibat dalam proses pembukaan penempatan sementara ialah Habib Sheikh dan Habib Umar berserta keluarga masing-masing. Dalam peringkat kedua pula, anak-anak atau keturunan kedua-dua tokoh tadi telah memainkan peranan penting bagi mewujudkan penempatan tetap di sekitar kawasan Tawau.

Penempatan awal bagi keluarga Habib Sheikh ialah di Kawasan Tawau Lama. Penempatan ini dibuka pada sekitar tahun 1893 M iaitu setahun selepas perkampungan di Tawau dibuka oleh pihak British. Setiap orang yang berhijrah ke Tawau pada ketika itu akan menetap di kawasan Tawau Lama kerana ianya satu-satu perkampungan penempatan yang wujud pada ketika itu di Tawau. (Arkib Negeri Sabah, Tawau: 2) Walau bagaimanapun, penempatan di kawasan Tawau Lama ini adalah penempatan sementara.

Gambar 1: Perkampungan Tawau Lama



Sumber: Koleksi Peribadi Syed Putra al-Hinduan

Menurut Syed Tahir³, tidak lama selepas itu, Habib Sheikh telah membeli sebidang tanah di kawasan baru di Tawau untuk dijadikan penempatan tetap. Mereka menamakan perkampungan tersebut sebagai perkampungan Arab. Ia terletak di Batu 2, Jalan Apas Tawau. Kini perkampungan tersebut dikenali sebagai Perkampungan Habib Abdul Rahman (sempena nama anak Habib Sheikh yang banyak berjasa dalam usaha pembukaan perkampungan berkenaan) (Syed Tahir, Sept. 2005). Perkampungan ini sebenarnya bukan didiami oleh masyarakat Arab sahaja, namun ia dikongsi bersama penduduk tempatan lain yang majoritinya berbangsa Suluk beragama Islam. Mereka hidup aman dan makmur di bawah kepimpinan masyarakat Arab ketika itu. Syed Idrus Habib Kadir menjelaskan:

Perkampungan ini asalnya dikenali juga dengan sebutan Kampung Arab. Mulanya yang ramai menetap di kampung ini tergolong anak cucu Habib Abdul Rahman dan kalangan yang terdekat. Di samping mereka, bangsa Arab, terdapat juga bangsa Suluk yang menetap di perkampungan ini. Berlainan bangsa tetapi seagama menjadikan mereka hidup seakan dalam membantu dalam pelbagai hal. Keadaan

bersatu ini kemungkinan berlaku kerana jumlah mereka amat sedikit atau fenomena yang mempengaruhi persekitaran mereka' (Syed Idrus Habib Kadir, tt.: 2).

Keadaan bersatu ini adalah amat menakjubkan kerana masyarakat Suluk terkenal dengan sifat agresifnya khususnya pada era penjajah. Keterbukaan dan pendekatan yang hikmah yang dilaksanakan oleh masyarakat Arab menyebabkan penerimaan mereka terhadap kepimpinan masyarakat Arab yang mendatang ini.

Bagi keluarga Habib Umar pula, penempatan awal ialah di kawasan lapang berhampiran pantai di bawah Bukit Residen (kini Pankalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM). Kemudian mereka berpindah ke kawasan lain yang sekarang ini dikenali sebagai Kampung Pasir Putih, Tawau. Di peringkat ini, pembukaan penempatan tetap ini banyak diuasahakan oleh Habib Hasan yakni anak kepada Habib Umar. (Syed Idrus Habib Kadir, tt: 3)


Habib Umar telah dilantik menjadi Imam Kampung Pasir Putih (Syed Putra al-Hinduan, tt.: 2). Ini disebabkan oleh oleh ciri-ciri seorang ulama yang dimiliki oleh Habib Umar. Seperti Perkampungan Habib Abdul Rahman, Kampung Pasir Putih juga didiami oleh pelbagai bangsa seperti Bugis, Jawa, Banjar dan sebagainya. Mereka hidup saling bertoleransi antara satu sama lain. Jawatan Imam yang ditawarkan oleh masyarakat tempatan kepada Habib Umar pada ketika itu merupakan suatu penghormatan yang tinggi terhadap masyarakat mendatang (yang berhijrah). Ini kerana jawatan Imam bagi masyarakat tempatan pada ketika itu merupakan jawatan yang sangat dihormati dan disegani. Berkemungkinan pendekatan kesufian telah diamalkan dalam kehidupan Habib Umar dan Habib Sheikh menyebabkan mereka diterima baik oleh masyarakat tempatan. Setelah Habib Umar meninggal dunia, anaknya Habib Hasan telah dilantik menggantikan ayahnya bagi jawatan Imam. Lebih menakjubkan, Habib Hasan juga dilantik menjadi ketua kampung sehingga beliau meninggal dunia. (Syed Tahir, 12/09/2005). Dianggarkan sebanyak 30-40 peratus jumlah penduduk Arab yang masih menetap di perkampungan ini (Syed Putra al-Hinduan, 13/09/2005).

Proses pembukaan di penempatan Kampung Habib Abdul Rahman dilakukan dengan penuh tabah dan sabar. Ini kerana kawasan tersebut adalah kawasan hutan dan lalang yang tebal. Proses pemugaran dilakukan oleh masyarakat ini dikatakan melalui satu proses yang lama dan sukar. Syed Idrus Habib Kadir al-Idrus menjelaskan:

'Membuka perkampungan pada ketika itu bukanlah suatu pekerjaan yang mudah. Segalanya memerlukan kegigihan dan semangat kental serta kerjasama semua pihak. Kapak, parang, cangkul dan sebagainya merupakan perkakas tradisional yang lama. Bayangkan berapa lama masa yang telah diambil membuka sebuah kampung' (Syed Idrus Habib Kadir al-Idrus, tt. 2).


Dewasa ini, penempatan masyarakat Arab Syed di Tawau telah berkembang. Mereka memiliki tanah sendiri yang kebanyakannya dibeli daripada masyarakat tempatan. Syed Tahir menjelaskan bahawa terdapat masyarakat keturunan Arab di kawasan Merotai dan bahagian kawasan rancangan Apas, Balung, Tawau. Mereka juga mendiami taman-taman perumahan di sekitar Tawau seperti Taman Hot Spring, Tawau dan Taman Hill Top, Tawau.

Gambar 2: Habib Sheikh bersama-sama dengan para Pegawai British pada tahun 1922



Sumber: Koleksi Peribadi Syed Putra al-Hinduan

Gambar 3: Penempatan Terawal Habib Umar Di Bukit Residen, Tawau



Sumber: Koleksi Peribadi Syed Putra al-Hinduan

Sumbangan Sosial Masyarakat Arab Syed di Tawau

Setelah meneliti proses pertapakan masyarakat Arab Syed di Tawau dalam sub-topik di atas, sememangnya sukar dinafikan bahawa masyarakat tersebut mempunyai peranan dan sumbangan yang besar dan signifikan terhadap aspek sosial masyarakat tempatan. Sejak dari tarikh pertapakan awal di Daerah Tawau sehingga saat ini, masyarakat Arab Syed masih lagi dilihat mempunyai peranan yang penting khususnya dalam aspek agama dan kepimpinan masyarakat.

Aspek Penyebaran dan Pengukuhan Agama Islam

Menurut Mohd Aziz bin Yappa dalam Tesisnya *Islam di Tawau; Sejarah Kedatangan dan Pembangunan* menjelaskan bahawa selain daripada masyarakat Indonesia yang bergiat aktif dalam aktiviti pendakwahan agama Islam, Habib Sheikh juga memainkan peranan yang penting dalam proses penyebaran dan pengukuhan agama Islam dalam kalangan masyarakat tempatan (Mohd Aziz bin Yappa, 1998/1999: 42). Habib Sheikh dan Habib Umar serta beberapa kaum keluarganya menjadi sandaran utama masyarakat tempatan khususnya bagi menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan hukum-hakam perundangan Islam. Masyarakat Arab sememangnya mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang pendakwahan dan ilmu pengetahuan agama yang tinggi. Syed Idrus Habib Kadir menjelaskan:

'Semasa hidupnya, Habib Abdul Rahman sering dijemput sekiranya ada kenduri-kendara, membaca barzanji atau apa sahaja yang berkaitan dengan kegiatan keagamaan'. (Syed Idrus Habib Kadir, tt, 2)

Ketinggian ilmu agama yang ada pada Habib Sheikh dan Umar ini membuatkan mereka bukan sahaja diperlukan oleh masyarakat setempat, namun khidmat mereka diperlukan oleh pihak SBBU bagi menyelesaikan kes-kes mahkamah yang berkaitan dengan agama Islam dan adat Istiadat. Oleh yang demikian, Habib Sheikh telah dilantik menjadi penghulu oleh pihak SBBU. Dalam ertikata yang lain, Habib Sheikh merupakan penasihat undang-undang Islam kepada pentadbiran SBBU di Tawau disamping tugas-tugas kemasyarakatan lain yang diamanahkan kepadanya.

Bagi Habib Umar pula, tugas sebagai seorang Imam yang diamanahkan kepadanya harus dipikul dengan sewajarnya. Institusi Imam merupakan institusi yang begitu penting dalam tradisi masyarakat pada ketika itu. Sebagai seorang yang dihormati, beliau bertanggungjawab dalam proses penyebaran dan pengukuhan ajaran Islam dalam kalangan masyarakat. Tugas ini semakin berat apabila berhadapan dengan masyarakat yang masih cetek pengetahuan agamanya dan dikelilingi oleh amalan-amalan syirik dan khurafat yang telah sebatasi dalam masyarakat tempatan pada masa itu. Pendekatan penuh berhikmah perlu dilaksanakan agar proses pendakwahan berjalan dengan lancar dan efisyen. Tidak dapat dipastikan sama ada wujud pengaruh kesufian ataupun fahaman tarekat tertentu yang telah digunakan dalam proses pendakwahan tersebut. Namun, bagi pandangan panel penulis (yang memerlukan pengkajian yang lebih terperinci), pendekatan kesufian telah digunakan dalam aktiviti pendakwahan tersebut. Ini

kerana, adalah sinonim bagi masyarakat Arab ataupun para mubaligh Islam untuk menggunakan kaedah kesufian di Nusantara, khususnya apabila mereka berhadapan dengan amalan-amalan animisme yang begitu meluas diamalkan pada ketika itu.

Masyarakat Arab Syed juga berperanan besar dalam meninggikan syiar Islam. Golongan ini banyak mewakafkan tanah-tanah untuk pembinaan masjid di Daerah Tawau. Masyarakat ini dikatakan memiliki tanah yang luas. Sumber menjelaskan:

'Zaman awal pembukaan Tawau, ramai yang terpinggir di luar bandar. Sebabnya tanah-tanah mereka banyak yang dijual kepada masyarakat Cina yang ramai menghuni pusat bandar ketika itu, terkecuali kalangan mereka yang terkemuka seperti Haji Drahman dan Haji Matalhir, bangsa Brunei dan Habib Sheikh bangsa Arab yang dapat tahan memiliki tanah yang luas'. (Syed Idrus Habib Kadir, tt, 2)

Antara masjid yang dimasih wujud hasil sumbangan daripada Habib Sheikh ialah sebuah masjid di kawasan Tawau Lama yang kini dikenali sebagai Kampung Titingan dan Masjid Abdul Rahman yang dibina di Kampung Habib Abdul Rahman. Sehingga sekarang, masjid berkenaan masih aktif dalam meningkatkan syiar Islam melalui pelbagai kegiatan keagamaan yang dilaksanakan.

Kepimpinan Masyarakat Islam / Politik

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, peranan masyarakat masyarakat Arab Syed di Tawau bukan sahaja terhad kepada aktiviti-aktiviti keagamaan secara khusus sahaja, namun peranan meraka meliputi aktiviti kemasyarakatan yang lain. Ini bersesuaian dengan tuntutan Fardhu Kifayah yang juga dirangkumkan dalam ajaran Islam bersama-sama dengan unsur Fardhu Ain. Perlantikan Habib Sheikh (dan juga keturunan beliau serta Habib Umar) seawalnya bagi menjawat jawatan Penghulu Tawau melengkapkan tanggungjawab agama yang diamanahkan kepada beliau.

Tugas sebagai seorang penghulu yakni menghadirkan diri ke mahkamah pada setiap hari khamis, membantu Pegawai Inggeris mentadbir dalam bidang keadilan, membantu pegawai Inggeris berhubung dengan pengetahuan berkaitan masyarakat peribumi dan adat resam mereka serta mengendalikan kes-kes kecil. Beliau juga membantu pihak British dalam aktiviti pemungutan cukai tanah dan lesen dan menyediakan akaun bulanan serta mengadakan lawatan ke kampung-kampung sekerap yang mungkin.

Dalam menjalankan tugas sebagai pemimpin masyarakat, adakalanya pertembungan kepentingan SBBU dan prinsip Habib Sheikh berlaku. Pertembungan ini berlaku apabila Habib Sheikh mendapat polisi yang dijalankan oleh Residen British bernama Weedon telah membelaangi prinsip keadilan sosial terhadap masyarakat tempatan. Polisi yang dijalankan dikatakan agak menindas dan bercanggah dengan persoalan adat istiadat masyarakat tempatan. Hal berkenaan menyebabkan Habib Sheikh meletakkan jawatan sebagai penghulu Tawau. Habib Abdul Rahman menjelaskan:

"Punca perletakan jawatan ayahnya kerana mustahil dapat berkerjasama dengan seorang yang suka menindas dan mencampuri dalam urusan membuat dasar yang melibatkan hak dan kepentingan pribumi. Ketidaktahanan dengan sikap residen ini (Weedon) membuat Habib Sheikh meletak jawatan. Pada seorang berwibawa dan mempunyai prinsip hidup, jawatan tinggi sekalipun bukan segala-galanya sekiranya maruahnya tercabar. Keyakinan pada diri mengatasi pangkat yang sifatnya hanya sementara ..., keduanya selalu bertentangan pendapat kerana ayahnya percaya Weedon tiada kompromi dan bersikap terlalu tegas. Kedudukan Habib Sheikh dan Weedon kadangkala tegang ..." (Syed Idrus Habib Kadir, tt, 3).

Ketidakfahaman bahasa dan adat istiadat juga menyebabkan pentadbiran Weedon begitu tidak disenangi oleh masyarakat tempatan. Perasaan ego yang ada pada diri penjajah yang menganggap diri mereka lebih bertamadun membuatkan Weedon tidak sensitif terhadap persoalan yang dinyatakan. Ketegasan yang ditunjukkan oleh Habib Sheikh menunjukkan beliau merupakan seorang yang mementingkan keadilan dan perpaduan di kalangan masyarakat tempatan khususnya yang beragama Islam.

Kelangsungan kepimpinan masyarakat Arab boleh dilihat sehingga dewasa ini. Syed Tahir umpamanya masih diamanahkan untuk menjadi Ketua Kampung Kampung Habib Abdul Rahman. Haji Syed Abas Syed Ali pula merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (BN) kawasan Balung. Beliau juga diamanahkan memegang jawatan Pengurus Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) dan ahli majlis tertinggi Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA).

Penutup

Dapatlah disimpulkan bahawa ciri-ciri kepimpinan yang terdapat dalam diri para pemimpin masyarakat Arab Syed di Tawau telah menyebabkan golongan ini menjadi pilihan bagi masyarakat tempatan untuk memilih mereka sebagai pemimpin agama dan masyarakat. Karisma dan pendekatan yang berhikmah serta ketegasan dalam mempertahanan prinsip agama telah membuatkan golongan ini sentiasa dihormati oleh masyarakat pribumi. Tidak hairanlah, di mana jua masyarakat ini merantau dan bertapak, mereka akan beroleh kejayaan, tidak kira tentangan dan halangan yang mereka tempuh. Selagi kejujuran dan keikhlasan dalam meneruskan usaha murni untuk menyebarkan agama Islam dapat dipertahankan melalui perbagai saluran (yang bersesuaian mengikut kesesuaian zaman), maka sudah tentulah kejayaan akan menyusul. Ini adalah melibatkan janji Allah s.w.t. yang memberikan keberkatan dan keredaanNya sebagai ganjaran kepada usaha murni tersebut.

Nota Hujung

¹ Terdapat perbagai pendekatan dan wasilah yang disinonimkan dengan aktiviti pendakwahan agama Islam iaitu melalui aktiviti perdagangan, perkahwinan, kesufian dan sebagainya bersesuaian dengan masa, tempat dan suasana persekitaran masyarakat tempatan.

² Selain daripada itu berdasarkan kepada temuramah dengan En. Baszley Bee Basrah Bee, pengislaman tersebut telah dibuktikan melalui manuskrip Idahan yang ditulis dalam tulisan jawi yang ditemui di Kampung Sepagaya, Lahad Datu. Individu tersebut bernama Abdullah yang tinggal di Teluk Darvel di sekitar Lahad Datu dan Sandakan. Walau bagaimanapun terdapat penemuan terbaru oleh pengkaji UMS bahawa pengaruh Islam adalah lebih awal daripada tarikh tersebut dan kemungkinan wujudnya kerajaan Islam di Kota Marudu dan pelabuhan di bahagian Sungai Kinabatangan yang mempunyai pengaruh Islam daripada China. (Teruramah dengan En. Baszley Bee Basrah Bee, Pensyarah Sejarah dan Arkeologi, Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, Sabah)

³ Beliau cucu kepada Habib Sheikh yang juga merupakan ketua kampung perkampungan Arab Habib Abdul Rahman pada ketika ini.

Bibliografi

- Sejarah Tawau Lama*, Arkib Negeri Sabah, Cawangan Tawau Tt.
- Nadvi, A. Syed Sulaiman. *Pelayaran Bangsa Arab*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992.
- Atiyah, Edward. *The Arabs*. Beirut : Lebanon Bookshop, 1968.
- Gibb, H.A. & Kramers, J.H. *Shorter Encyclopaedia of Islam*. Leiden: E.J. Brill, 1995.
- Goodlet, K.J. *The Origin and Early Development of The Tawau Community, 1880-1942*. University of Sydney, 2003.
- Harrison, Tom & Barbara Harrison. *Prehistory of Sabah* dalam *Sabah Society Journal*. Kota Kinabalu: Sabah Society, 1969/1970.
- Kamus Dewan*. Edisi Ketiga. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002.
- Lewis, Bernard. *The Arabs in History*. Oxford : Oxford University Press, 1993.
- Majul, Cesar Adib. *Muslim in The Philippines*. Quezon City: The University of The Philippines Press, 1973.
- Mohd Aziz bin Yappa. "Islam di Tawau; Sejarah Kedatangan dan Pembangunan." (Latihan Ilmiah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya, 1998/99).
- Muhidin Yusin. *Islam di Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.
- Pameran Hasil Sumbangan Islam Sehingga Abad ke-15 Hijrah, 2004.
- Syed Putra al-Hinduan, *Penempatan Kaum Syed di Tawau Sabah*. Taman Hot Spring Tawau, Tawau, tt.

Syed Idrus Habib Kadir. "Habib Sheikh Dalam Catatan," dalam Syed Putra al-Hinduan, *Penempatan Kaum Syed di Tawau Sabah*. Taman Hot Spring Tawau, Tawau, tt.

World Atlas. Com, *Asia map and map of Asia countries land forms rivers and information pages*, at <http://www.worldatlas.com/webimage/countrys/as.htm>, assessed on 9 Oktober 2007.

Wikipedia Encyclopedia, *Tawau*, at <http://en.wikipedia.org/wiki/Tawau>, assessed on 9 Oktober 2007.

Temubual

Syed Abas Syed Ali, di Hotel Promened, Kota Kinabalu, Sabah pada 27/08/2005

Syed Tahir, di Kampung Habib Abdul Rahman, Batu 2, Jalan Apas, Tawau, pada 12/09/ 2005

Syed Putra al-Hinduan, di Taman Hot Spring, Tawau, pada 13/09/2005